

1968

KUALA LUMPUR, 16 SEPTEMBER (BERNAMA) - MAJLIS PELAJARAN TINGGI MASEH BELUM MENERIMA SA-BARANG MEMORANDA DARI JAWATANKUASA PENAJA UNIVERSITI KEBANGSAAN.

DEMIKIAN DI-NYATAKAN OLEH PENERUSI MAJLIS TERSEBUT, DR. MAHATHIR BIN MOHAMMAD DALAM SATU PERTEMUAN DENGAN BERNAMA HARI INI.

BELIAU MENYATAKAN BAHAWA MAJLIS ITU TIDAK DAPAT MENGAMBIL SA-BARANG LANGKAH KALAU MAJLIS ITU TIDAK MENERIMA SA-BRANG MEMORANDA ATAU SURAT MENGENAI PERKARA ITU.

DR. MAHATHIR BERKATA APABILA MENERIMA MEMORANDA, MAJLIS TERSEBUT AKAN MEMBINCHANGKAN PERKARA ITU SEBELUM MEMAJUKAN PENDAPAT-NYA.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA PENDAPAT MAJLIS ITU TIDAK MENGIKAT MENTERI PELAJARAN KERANA MAJLIS ITU HANYA-LAH MENJADI PENASEHAT KAPADA MENTERI.

BERNAMA BERSAMBONG 1641.

UNIVERSITI 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI PENUBOHAN UNIVERSITI PULAU PINANG, DR. MAHATHIR BERKATA MAJLIS PELAJARAN TINGGI TELAH MEMBENTOK SA-BUAH JAWATANKUASA PERENGKAT UNIVERSITI YANG DI-KETUIA OLEH PROFESSOR HAMZAH SENDUT BARU2 INI, UNTUK MENKAKI PERKARA ITU SECHARA LANJUT.

MENURUT-NYA, KELENGAHAN MENUBOHKAN UNIVERSITI PULAU PINANG ITU IA-LAH KERANA KEKURANGAN WANG DAN KAKITANGAN.

DR. MAHATHIR MENYATAKAN BAHAWA UNIVERSITI PULAU PINANG ITU AKAN MEMAWARKAN PENGAJIAN2 TAMBAHAN KAPADA YANG ADA DI-UNIVERSITI MALAYA, TETAPI JURUSAN SAINS DAN EKONOMI AKAN DI-TITEK BERATKAN.

BELIAU MENYATAKAN JUGA BAHAWA JAWATANKUASA MENGENAI KOLEJ AKAN MENIMBANGKAN PENUBOHAN SEKOLAH POLITEKNIK DI-IPOH DAN JUGA MENGADAKAN KOLEJ2 RENDAH DI-NEGERI INI.

SEMENTARA JAWATANKUASA KEWANGAN DAN MAKSUD2 *AM AKAN MENIMBANGKAN PERBELANJAAN DAN WANG YANG DI-PERLUKAN BAGI MELAKSANAKAN PROJEK2

YANG DI-RANCHANGKAN OLEH MAJLIS ITU.

BERNAMA BERSAMBONG 1645

UNIVERSITI 3 KUALA LUMPUR:

DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MEMANG BERMAKSUD HENDAK MENGADAKAN CHORAK PELAJARAN YANG DI-PERLUKAN OLEH RAAyat, TETAPI FAKTOR YANG MENGHADKAN-NYA IA-LAH WANG.

+PELAJARAN DI-GALAKKAN SELAGI IA-NYA MENGIKUT LUNAS2 DASAR PELAJARAN NEGARA,+ KATA-NYA.

SEMENTARA ITU, PENERUSI JAWATANKUASA PENAJA UNIVERSITI KEBANGSAAN, SYED NASIR BIN ISMAIL MEMBERITAHU BERNAMA HARI INI BAHAWA PEHAK-NYA AKAN MEMAJUKAN MEMORANDA KAPADA MAJLIS PELAJARAN TINGGI +DALAM DUA ATAU TIGA HARI LAGI.+

SYED NASIR YANG MENJADI PENGARAH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA MENYATAKAN BAHAWA JAWATANKUASA TERSEBUT MASEH MENGHALUSI BUTIR2 MEMORANDA ITU.

BERNAMA 1650